

25 APR 1999

Mokhzani-Pemuda

MOKHZANI TIDAK BERHAJAT JADI KETUA PEMUDA UMNO

PONTIAN, 25 April (Bernama) -- Penolong Bendahari Pergerakan Pemuda Umno, Mokhzani Mahathir, berkata beliau tidak berhasrat menjadi ketua pergerakan itu dan menganggap Datuk Hishamuddin Tun Hussein sebagai calon yang paling layak menyandang jawatan itu.

"Hishamuddin adalah calon yang paling layak dan tepat untuk terus menerajui kepimpinan Pemuda ketika ini dan masa depan," katanya kepada Bernama selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Pemuda Umno Bahagian Pontian, di sini, semalam.

Mokhzani menafikan dakwaan dalam internet bahawa Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan "membuang" Hishamuddin dan menggantikan Mokhzani untuk menerajui pergerakan itu.

Mokhzani berkata persahabatanannya dengan Hishamuddin bermula sejak kecil sebelum Allahyarham Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri.

"Suka saya jelaskan bahawa persahabatan saya dengan Hisham tak perlu dipertikaikan dan saya tidak akan "mempolitikkan" persahabatan di antara saya dengan Datuk Hisham," katanya.

"Pendirian saya ialah beliau (Hisham) adalah Pemangku Ketua Pemuda dan saya sebagai Exco serta Ketua Pemuda Umno Bahagian," katanya.

Sehubungan itu, Mokhzani berkata beliau akan terus memberikan sokongan dan melaksanakan segala program yang diarahkan kepadanya bagi sama-sama memperkukuhkan jentera parti.

"Kita sekarang berhadapan dengan orang di luar Umno, oleh itu orang di dalam Umno tidak perlu mempertikaikan keikhlasan di antara sesama anggota lebih-lebih lagi saya dengan Datuk Hisham," katanya.

Ketika ditanya perasaaan beliau tentang tohmahan yang dilemparkan kepada Dr Mahathir, Mokhzani berkata beliau juga berasa agak emosional apabila mendapati ayahnya dihina dan dicaci.

"Tetapi Allamdulillah, kerana ada rakan-rakan yang lebih berpengalaman dalam politik, mereka menasihati saya dan berbincang untuk mencari jalan bagi membendung perkara itu," katanya.

-- BERNAMA

ZD RAM NAK